

2.2.2024

Siaran Media

IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

CADANGAN PELAN TINDAKAN EMPANGAN AIR ITAM 2024: BERPOTENSI “MENINGKATKAN” KAPASITI EFEKTIF KEPADA 50% SEBELUM AKHIR APRIL 2024

PULAU PINANG, Jumaat, 2.2.2024: PBAPP sedang memuktamadkan cadangan “Pelan Tindakan Empangan Air Itam 2024” (AIDAP 2024) kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang berpotensi meningkatkan kapasiti efektif empangan daripada 34.6% kepada 50% menjelang akhir April 2024.

Konsepnya adalah untuk mengurangkan sedikit pelepasan air dari empangan daripada purata aliran masuk air mentah ke dalam empangan setiap hari.

- Empangan Air Itam menerima kira-kira 15 juta liter air sehari (JLH) daripada tiga muka sauk: Muka sauk Balik Pulau, muka sauk Sungai Tepi dan muka sauk Sungai Pinang Barat.
- PBAPP merancang untuk mengurangkan pelepasan harian dari Empangan Air Itam ke Loji Rawatan Air (LRA) Air Itam sebanyak 75%, daripada 44 JLH kepada 11 JLH.
- Oleh itu, purata lebihan harian sebanyak 4 JLH (15 JLH aliran masuk empangan – 11 JLH pengeluaran empangan = 4 JLH lebihan) yang akan “disimpan” di Empangan Air Itam.

Dalam tempoh 3 bulan atau 90 hari, simpanan terkumpul berjumlah kira-kira 360 juta liter, yang berpotensi meningkatkan kapasiti efektif empangan sebanyak kira-kira 15%.

3 Faktor Penting untuk Kejayaan

Loji Rawatan Air (LRA) Air Itam menghasilkan 50 JLH air terawat untuk memenuhi keperluan kira-kira 30,000 pengguna di kawasan perkhidmatannya. Ia kini mengeluarkan 44 JLH air mentah dari Empangan Air Itam serta 6 JLH dari muka sauk Utama dan muka sauk Tat.

Oleh itu, kejayaan AIDAP 2024 akan bergantung kepada 3 faktor utama berikut:



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

1. Kemampuan 6 JLH pengambilan air mentah daripada muka sauk Utama dan muka sauk Tat.
2. 33 JLH sokongan air terawat daripada LRA Sungai Dua di Seberang Perai yang akan dipam semula di Rumah Pam Padang Brown ke kawasan perkhidmatan LRA Air Itam. Ini akan menampung kekurangan 33 JLH dalam pengeluaran dari Empangan Air Itam.
3. Operasi pembenihan awan untuk mendorong taburan hujan yang mencukupi di kawasan tadahan air bagi lima muka sauk yang terlibat: muka sauk Balik Pulau, muka sauk Sungai Tepi, muka sauk Sungai Pinang Barat, muka sauk Utama dan muka sauk Tat.

Ringkasan Asas AIDAP 2024

• Kawalan Bekalan Air “Cuaca Kering” di Air Itam kini			
Input Air Mentah	Sumber	Loji Rawatan Air (LRA)	Output Air Terawat
44 JLH	Empangan Air Itam	LRA Air Itam	50 JLH
6 JLH	Muka sauk Utama dan muka sauk Tat		
• Cadangan AIDAP 2024			
Input Air Mentah	Sumber	Loji Rawatan Air (LRA)	Output Air Terawat
1. 11 JLH	Empangan Air Itam	LRA Air Itam	17 JLH
2. 6 JLH	Muka sauk Utama dan muka sauk Tat		
3.	Sokongan 33 JLH air terawat	LRA Sungai Dua	33 JLH
Jumlah			50 JLH

PBAPP akan menyemak dan mengesahkan semua fakta dan angka serta mengesahkan semula daya maju kejuruteraan cadangan AIDAP 2024 sebelum membentangkannya kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk kelulusan.

Penjelasan

PBAPP ingin menjelaskan bahawa kapasiti efektif Empangan Air Itam adalah pada 34.6% hari ini. “Kapasiti efektif” ini ialah kapasiti yang penting untuk operasi bekalan air.

Terdapat baki 20% air “di bawah” kapasiti efektif ini. Bagaimanapun, malam tadi telah disahkan bahawa “simpanan mati” ini tidak boleh digunakan kerana kelodak yang

berat kerana Empangan Air Itam telah beroperasi selama 62 tahun.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my